

Penyusunan kerja lebih baik

Umno selaras dua negeri

Oleh NORHAYATI MD SAID

KOTA BHARU, Khamis -- Umno Kelantan dan Terengganu akan menubuhkan Jawatankuasa Bersama Dua Negeri bagi menyelaraskan kegiatan parti itu di kedua-dua negeri itu, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata langkah itu bagi mengadakan satu susunan kerja lebih baik bagi kedua-dua negeri itu. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan tarikh penubuhan itu.

Menurutnya, hubungan istimewa di antara bahagian dan Badan Perhubungan Umno negeri-negeri di seluruh negara juga akan diwujudkan bagi mengukuhkan Umno Kelantan.

Perdana Menteri berkata, Bahagian Bachok dan Kuala Krai akan mengadakan kerjasama dengan Badan Perhubungan Umno Johor, Nilam Puri dengan Selangor; Tumpat dengan Kedah, Kota Bharu dengan Wilayah Persekutuan, Tanah Merah dengan Melaka.

Pasir Puteh dan Pengkalan Chepa dengan Terengganu, Rantau Panjang dengan Perak, Gua Musang dengan Negeri Sembilan, Kok Lanas dengan Pahang, Machang dengan Pulau Pinang, Pasir Mas dengan Perlis.

"Langkah ini untuk mengukuhkan kedudukan Umno Kelantan agar ada kerjasama dengan badan perhubungan negeri lain," katanya kepada pemberita di sidang akhbarinya selepas mengada-

kan mesyuarat pertama Badan Perhubungan Umno Kelantan lebih tiga jam di bangunan Umno, di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam mesyuarat itu juga, mereka membincangkan segala masalah yang dihadapi oleh Umno Kelantan dan menyusun kerja parti itu.

"Mereka turut membincangkan keadaan politik semasa di Kelantan terutama mengenai beberapa ahli Semangat 46 yang keluar daripada parti itu," katanya.

Mengenai kesediaan Umno menerima mereka kembali, Perdana Menteri berkata:

"Saya sudah menekankan sebelum ini bahawa sesiapa saja orang Melayu boleh menyertai Umno. Kita sanggup terima siapa saja asalkan dia orang Melayu dan permohonan mereka akan dipertimbangkan".

Beliau menegaskan tidak ada keistimewaan akan diberikan kepada sesiapa yang ingin menyertai Umno, termasuk mereka yang keluar daripada parti lain sebelum ini dan menyertai Umno.

Perdana Menteri juga menasihatkan mereka yang ingin menyertai Umno supaya mendaftarkan diri di peringkat cawangan. Sekiranya ada masalah, mereka boleh membuat permohonan terus kepada Majlis Tertinggi Umno.

Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir untuk mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri itu adalah yang pertama selepas pilihanraya lalu.